



**SEKSYEN KEWANGAN
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI**

**MEMO
PERHUBUNGAN**

Rujukan : JAKOA.400-4/1/5 (80)

Tarikh : 28 Ogos 2020

PERKARA	GARIS PANDUAN MENGENAI TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL OLEH KEMENTERIAN/ PUSAT TANGGUNGJAWAB BAGI PENGGUNAAN MENU eKONTRAK DI DALAM SISTEM eP	
DARIPADA	PP (KEW)	Salinan :
KEPADА	P (KP) P (PSE) P (PMK) P (PP)	KP TKP (P) TKP (M)

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan surat daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) rujukan MOF.BPK(S)600-22/10/6 (3) bertarikh 28 Julai 2020 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman tuan/ puan, semakan Seksyen ini mendapati terdapat beberapa kontrak bahagian yang masih belum didaftarkan di dalam Sistem eP selepas penstrukturkan semula Kementerian pada Mei 2020. Sehubungan dengan itu, merujuk kepada garis panduan yang telah dikeluarkan oleh MoF iaitu Garis Panduan Mengenai Tindakan yang perlu diambil oleh Kementerian/ Pusat Tanggungjawab bagi penggunaan menu eKontrak di dalam Sistem Ep, tuan/ puan adalah diminta untuk menyemak semula kontrak bahagian yang masih belum diambil tindakan mengikut garis panduan tersebut.

3. Bersama-sama ini disertakan senarai kontrak yang masih belum diambil tindakan untuk perhatian dan tindakan pihak tuan/ puan selanjutnya. Sebarang pertanyaan, tuan/ puan boleh menghubungi pegawai penyelaras kontrak Bahagian di Seksyen Kewangan seperti berikut:

BIL	NAMA PEGAWAI	BAHAGIAN
1.	Puan Irnazatul Zana Binti Ibrahim	Kontrak PSE (Kelantan, Selangor WP & N. Sembilan Melaka)
2.	Puan Haslinah Binti Hushin Kamal	Kontrak PSE (Perak Kedah, Pahang & Johor)
3.	Puan Syazana Khairiyah Binti Makhtar	Kontrak PP
4.	Puan Nurdalina Binti Arbain	Kontrak PMK
5.	Puan Alina Binti Awang	Kontrak BKP

Kerjasama dan perhatian pihak tuan/ puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan
didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(SITI BALQIS BINTI MUHAMAD SUKRIY)



STATUS MUAT NAIK KONTRAK DI DALAM SISTEM ePEROLEHAN SEHINGGA 25 OGOS 2020

BIL.	BAHAGIAN	NAMA SYARIKAT / KONTRAKTOR	PERHALU / PERKARA	NO. KONTRAK / SEBUTBHARGA	TEMPOH KONTRAK		BUKU KONTRAK	JUSTIFIKASI / CATATAN
					MULIA	TAMAT		
1	BKP	BUMIRIA DINAMIK SDN. BHD	SEWAAN MESIN PENYALIN DIGITAL	JAKOA.S.400-5/3/9-1	01/03/2020	28/02/2022	TIADA	EKONTRAK TIDAK SELESAI / JADUAL PEMBAYARAN TIADA
2	BKP	ULTIMA NETWORKS SDN. BHD	PERKHIDMATAN MENYELENGGARA LAMAN WEB RASMI JAKOA	JAKOA.400-5/13/1(2)	13/2/2020	12/2/2021	ADA	EKONTRAK TIDAK SELESAI / SEMAKAN SEMULA TARikh SST
3	BKP	METRO SECURITY SERVICES SDN. BHD	PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA DI	JAKOA.S.400-5/3/10-01	01/05/2020	30/04/2022	TIADA	EKONTRAK TIDAK SELESAI / BON TIADA
4	PMK	IILENS ENTERPRISE	PERKHIDMATAN PENYEWAAAN DAN PENYELENGGARAAN MESIN PENYALIN DIGITAL	JAKOA.400-5/13/1 (10)	01.03.2020	28.02.2022	ADA	PERMOHONAN PERTAMBAHAN ITEM DALAM SISTEM EP (TELAH MOHON KELULUSAN MOF)
5	PMK	NPR COPY TRADING	PERKHIDMATAN PENYEWAAAN DAN PENYELENGGARAAN MESIN PENYALIN DIGITAL	JAKOA.400-5/13/1 (10)	01.03.2021	28.02.2023	ADA	PERMOHONAN PERTAMBAHAN ITEM DALAM SISTEM EP (TELAH MOHON KELULUSAN MOF)
6	PP	SYARIKAT TENAGA MUDA	PERKHIDMATAN PEMBERISIHAN BANGUNAN DAN RUANG PEJABAT	JAKOA/IP/SH/81/2019-20	1/1/2020	31/12/2021	TIADA	EKONTRAK TIDAK SELESAI

**GARIS PANDUAN MENGENAI TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL OLEH
KEMENTERIAN / PUSAT TANGGUNGJAWAB BAGI PENGGUNAAN MENU
eKONTRAK DI DALAM SISTEM ePEROLEHAN**

1. PENDAHULUAN

- 1.1. Garis panduan ini bertujuan menjelaskan kepada Agensi Kerajaan Persekutuan berhubung tindakan yang perlu dilakukan oleh setiap Kementerian / Pusat Tanggungjawab (PTJ) ke atas penggunaan menu eKontrak dalam Sistem ePerolehan (eP).
- 1.2. Kementerian Kewangan (MoF) melalui surat bertarikh 6 Julai 2018, 17 Ogos 2018 dan 29 Ogos 2018 telah memaklumkan mengenai kaedah memuat naik kontrak Kementerian yang tidak dikunci masuk semasa tempoh migrasi daripada Sistem eP lama kepada Sistem eP baharu.
- 1.3. Penggunaan menu eKontrak adalah kaedah sementara untuk Kementerian / PTJ mengunci masuk kontrak yang tidak dapat dimuatnaik di dalam Sistem eP semasa peringkat awal eP go-live pada 2018.
- 1.4. Berdasarkan penemuan dan teguran Jabatan Audit Negara pada Mei 2019, terdapat Kementerian / PTJ yang telah menyalahgunakan menu eKontrak untuk mengunci masuk kontrak yang tidak menepati syarat yang telah ditetapkan seperti perkara 1.3 di atas.

2. PENGGUNAAN MENU eKONTRAK

- 2.1. Mulai 15 Ogos 2020, penggunaan menu eKontrak hanya dibenarkan ke atas kontrak yang bernilai melebihi RM20 ribu bagi kes seperti berikut:
 - i. Kontrak yang telah berkuatkuasa sebelum 15 Ogos 2020 dan Surat Setuju Terima (SST) manual yang telah dikeluarkan perlu dikunci masuk ke dalam Sistem eP.
 - ii. Kontrak yang terdapat perubahan item (Lampiran C) seperti berikut:
 - Perubahan item kontrak;
 - *Units of Measurement* (UOM);
 - Perubahan templat item bekalan / perkhidmatan;
 - Perolehan yang mengandungi elemen *corrective* /alat ganti / *provisional sum* yang sukar dijangka keperluan penggunaannya, Kementerian / PTJ dibenarkan untuk melaksanakan perolehan secara manual dan mengeluarkan SST secara atas talian iaitu menerusi Sistem eP melalui menu 'Cipta SST' di bawah modul sebut harga / tender.
 - iii. Perpindahan kontrak disebabkan perubahan atau penstrukturkan semula Kementerian / PTJ; dan

- iv. Surat Setuju Terima (SST) manual yang dikeluarkan selepas 15 Ogos 2020 dengan kelulusan MoF.
- 2.2. Permohonan untuk mengunci masuk kontrak seperti perkara 2.1 di atas perlu mendapat kelulusan Ketua Jabatan / Setiausaha Bahagian dengan menggunakan format borang permohonan eKontrak yang disediakan di dalam eAduan Sistem eP.

3. ALIRAN PROSES PENGGUNAAN MENU eKONTRAK DI DALAM SISTEM eP

Bil.	Peranan	Keterangan
1.	Pentadbir Kontrak / Ketua Jabatan	Mengenalpasti perolehan untuk menggunakan menu eKontrak adalah tertakluk kepada syarat yang telah ditetapkan di dalam perkara 2.1.
2.	Pentadbir Kontrak	Memuat turun dan melengkapkan borang permohonan eKontrak yang disediakan di dalam eAduan Sistem eP.
3.	Ketua Jabatan	Menyemak dan meluluskan borang permohonan eKontrak Sistem eP.
4.	Pentadbir Kontrak	Log Case dalam eAduan dan memilih kategori "Pengurusan Kontrak" serta memuat naik borang permohonan eKontrak yang telah ditandatangani oleh Ketua Jabatan.
5.	Pasukan Teknikal CDCSB	<ul style="list-style-type: none"> i. Membuat penyelarasan teknikal seperti maklumat yang telah dilog oleh Kementerian / PTJ ke dalam eAduan Sistem eP. ii. Emel makluman akan dihantar kepada Pentadbir Kontrak dalam tempoh dua (2) hari bekerja bagi membolehkan proses kunci masuk maklumat di dalam menu eKontrak Sistem eP.
6.	Pentadbir Kontrak	Mengunci masuk maklumat kontrak (Lampiran A) / item kontrak (Lampiran C) di dalam menu eKontrak Sistem eP.

3.1. Aliran Proses Mengunci Masuk Kontrak / Item Kontrak

Setelah selesai proses di perkara 3 di atas, Kementerian / PTJ hendaklah meneruskan proses seterusnya berdasarkan senario seperti jadual di bawah:

Bil.	Senario	Keterangan
1.	Perubahan item kontrak	<ul style="list-style-type: none"> i. Sistem eP telah menyediakan kemudahan untuk Kementerian / PTJ membuat Perubahan dan Pelanjutan Tempoh Kontrak (AP 201). ii. Sebarang perubahan item kontrak, Kementerian / PTJ perlu mendapatkan kelulusan MoF terlebih dahulu melalui sistem eGPA.

		<p>iii. Bagi perubahan item yang melibatkan perubahan amaun kontrak, proses Pindaan Dengan Kontrak Tambahan hendaklah berstatus "Lengkap" di dalam Sistem eP sebelum proses kunci masuk item dibuat di dalam Lampiran C.</p>										
2.	Kod UOM / kod item	<p>i. Kementerian / PTJ dibenarkan untuk membuat pembetulan kod UOM dan kod item seperti contoh berikut:</p> <p>a. Kod UOM "KG" (tiada titik perpuluhan) kepada "Kilogram" (3 titik perpuluhan); dan b. Kod item umum kepada kod item yang lebih spesifik.</p> <p>Contoh:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Kod Item Umum</th> <th>Kod Item Spesifik</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>69000000</td> <td>Produk am</td> <td>14111507</td> <td>Kertas Pencetak Atau Fotokopi</td> </tr> <tr> <td>99000000</td> <td>Perkhidmatan am</td> <td>90101607</td> <td>Perkhidmatan Penyediaan Sarapan / Makan / Minum Pagi</td> </tr> </tbody> </table> <p>ii. Mengunci masuk item dengan kod UOM / kod item yang betul melalui Lampiran C sehingga selesai. Pentadbir Kontrak perlu menggantung (<i>suspend</i>) item yang mempunyai kod UOM / kod item yang salah di dalam Sistem eP.</p>	Kod Item Umum	Kod Item Spesifik	69000000	Produk am	14111507	Kertas Pencetak Atau Fotokopi	99000000	Perkhidmatan am	90101607	Perkhidmatan Penyediaan Sarapan / Makan / Minum Pagi
Kod Item Umum	Kod Item Spesifik											
69000000	Produk am	14111507	Kertas Pencetak Atau Fotokopi									
99000000	Perkhidmatan am	90101607	Perkhidmatan Penyediaan Sarapan / Makan / Minum Pagi									
3.	Perolehan yang mengandungi elemen corrective / alat ganti / <i>provisional sum</i> yang sukar dijangka keperluan penggunaannya	<p>i. Kementerian / PTJ dibenarkan untuk melaksanakan proses perolehan secara manual. SST hendaklah dikeluarkan secara atas talian iaitu menerusi Sistem eP melalui menu 'Cipta SST' di bawah modul sebut harga / tender dengan memberi keutamaan mengunci masuk item alat ganti laris (<i>fast moving item</i>).</p> <p>ii. Bagi kontrak yang sedang berjalan dan masih berkuat kuasa tetapi masih belum diwujudkan di dalam Sistem eP, Pentadbir Kontrak di Kementerian / PTJ perlu menggunakan kaedah eKontrak (Lampiran A) dengan memberi keutamaan mengunci masuk item alat ganti laris (<i>fast moving item</i>).</p> <p>iii. Bagi pertambahan item berkaitan perkara (i) dan (ii) seperti di atas, Kementerian / PTJ dibenarkan menggunakan eKontrak (Lampiran C).</p>										
4.	Migrasi kontrak disebabkan perubahan atau penstrukturkan semula Kementerian / PTJ	<p>i. Kementerian / PTJ perlu merujuk kepada Garis Panduan Penggunaan Sistem ePerolehan Selaras Dengan Penyusunan Semula Kementerian yang terkini dan masih berkuatkuasa yang dikeluarkan oleh MoF.</p>										
5.	Pengeluaran SST yang tidak mematuhi PK5.1	<p>i. Bagi tujuan mewujudkan kontrak di dalam Sistem eP, kelulusan MoF perlu diperolehi terlebih dahulu.</p>										

4. PENUTUP

- 4.1. Penggunaan eKontrak yang tinggi boleh memberi gambaran tentang pengurusan perolehan yang kurang cekap dan kegagalan menggunakan sistem eP sepenuhnya (*end-to-end*) di Kementerian / PTJ. Keadaan ini boleh menjelaskan pelaporan KPI Pegawai Pengawal.
- 4.2. Kawalan dalaman ke atas penggunaan eKontrak adalah sangat penting bagi mengelakkan teguran audit. Laporan penggunaan eKontrak akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Pasukan Petugas Kementerian Sistem eP (*eP System Ministry Task Force Meeting*).
- 4.3. Kementerian / PTJ hendaklah memastikan semua perolehan dilaksanakan dengan teratur dan proses kunci masuk maklumat di dalam Sistem eP dibuat dengan betul serta semakan dibuat bagi mengelakkan masalah perolehan di dalam Sistem eP.
- 4.4. Kementerian / PTJ hendaklah mengambil tindakan ke atas mana-mana pegawai yang didapati tidak mematuhi peraturan yang sedang berkuatkuasa termasuk mengesyorkan tindakan surcaj di bawah AP59.
- 4.5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan dan permasalahan berhubung penggunaan Sistem eP, Kementerian / PTJ boleh membuat aduan melalui eAduan di dalam portal eP atau menghubungi Bantuan Pelanggan di talian 03-7985 7888. Pada masa yang sama, Kementerian / PTJ juga boleh menghubungi pegawai CDC untuk khidmat bantuan.
- 4.6. Garis panduan ini berkuatkuasa pada 15 Ogos 2020 dan membatalkan surat MoF no. rujukan K.KEW/PK/MOF/ePP1/59/63 Jld. 2 (27) bertarikh 6 Julai 2018, surat MoF no. rujukan K.KEW/PK/MOF/ePP1/59/63 Jld. 2 (32) bertarikh 17 Ogos 2018 dan surat MoF no. rujukan K.KEW/PK/MOF/ePP1/59/63 Jld. 2 (23) bertarikh 29 Ogos 2018.

**Bahagian Perolehan Kerajaan
Kementerian Kewangan Malaysia
28 Julai 2020**

**BORANG PERMOHONAN MEMUATNAIK KONTRAK / ITEM KONTRAK
MELALUI MENU eKONTRAK**

BUTIRAN PEMOHON	
NAMA PEMOHON	
NO. TELEFON	
EMEL RASMI	
KOD PTJ / NAMA PTJ	
BUTIRAN PERMOHONAN	
eKONTRAK : LAMPIRAN A / LAMPIRAN C	<input type="checkbox"/> Lampiran A <input type="checkbox"/> Lampiran C
NO KONTRAK / NO KONTRAK FIZIKAL	
TAJUK KONTRAK	
NILAI KONTRAK KESELURUHAN	
TARIKH KUATKUASA & TARIKH TAMAT KONTRAK	Tarikh Mula : Tarikh Tamat :
JUSTIFIKASI MENGGUNAKAN eKONTRAK LAMPIRAN A / LAMPIRAN C	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <p>Kontrak yang telah berkuatkuasa sebelum 15 Ogos 2020 Perubahan Item Kontrak berdasarkan keputusan Pindaan Kontrak Perubahan Kod UOM / Kod Item Perubahan templat item bekalan / perkhidmatan Perolehan yang mengandungi elemen <i>corrective</i> / alat ganti / <i>provisional sum</i> yang sukar dijangka Surat Setuju Terima manual yang mendapat kelulusan MOF Penstrukturkan Semula PTJ/Kementerian</p> <p>Lain-lain (Sila nyatakan) :</p> <p>.....</p>

KELULUSAN KETUA JABATAN / SUB :

(.....)

Cop Jabatan :

Tarikh :